

25/04/2001

Thai yakin Malaysia tidak bantu pemisah (HL)

Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan Thailand yakin Malaysia tidak pernah campur tangan hal ehwal dalaman negara itu, terutama dalam memberi perlindungan kepada mana-mana kumpulan pejuang pemisah.

Perdana Menterinya, Thaksin Shinawatra, berkata pihaknya percaya dengan keikhlasan Malaysia tidak menyokong mana-mana kumpulan militan, sebaliknya sedia bekerjasama dalam bidang keselamatan.

"Saya berpuas hati dengan kerjasama antara pasukan keselamatan Thailand dan Malaysia dalam menangani kegiatan kumpulan pemisah di selatan Thailand.

"Malah, kami yakin dalam menangani masalah ini, Malaysia sentiasa bersedia memberikan sokongan," katanya pada sidang akhbar sempena lawatan beliau ke sini di Hotel Nikko, petang ini.

Thaksin berkata demikian ketika ditanya mengenai isu keselamatan di sempadan kedua-dua negara yang turut dibincangkan dalam pertemuan antara beliau dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Awal bulan ini, beberapa kejadian letupan bom dilaporkan berlaku di Hatyai dan Betong di selatan Thailand yang mengorbankan seorang kanak-kanak dan mencederakan lebih 50 orang.

Beberapa kumpulan pemisah di selatan negara itu dipercayai terbabit dalam serangan berkenaan, termasuk Pertubuhan Pembebasan Bersatu Pattani (Pulo), Barisan Revolusi Nasional (BRN) dan kumpulan Mujahidin.

Berikutan kejadian itu, Thaksin dilaporkan berkata kumpulan pemisah terbabit telah mengadakan mesyuarat di Kuala Lumpur pada Mac lalu bagi merancang serangan berkenaan.

Bagaimanapun, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, kemudian menjelaskan Malaysia tidak pernah bersubahat dengan mana-mana kumpulan pemisah dan menjadikan Malaysia pangkalan melakukan jenayah di negara lain.

Thaksin berkata, kegiatan kumpulan pemisah itu sebenarnya berpunca daripada wujudnya keadaan dua kerakyatan, terutama di kalangan mereka yang tinggal di kawasan sempadan Thailand-Malaysia.

"Keadaan ini timbul akibat wujudnya dua kerakyatan. Pemisah yang melarikan diri dari Thailand akan menetap di Malaysia. Tetapi, ia bukanlah satu masalah kerana tidak ramai puak militan yang tinggal.

"Apa yang lebih penting ialah kami akan mencari siapa yang terbabit dalam kejadian letupan itu, sebelum mendapatkan bantuan Kerajaan Malaysia," katanya.

Beliau berkata, isu mengenai dua kerakyatan itu akan dibincangkan pada peringkat tertinggi kedua-dua kerajaan, sebelum sebarang keputusan dapat dibuat.

Thaksin berkata, walaupun isu berkenaan turut berbangkit dalam pertemuannya dengan Dr Mahathir, kedua-dua pihak menganggapnya sebagai masalah yang tidak begitu serius.

Mengenai isu pos kawalan sempadan Bukit Kayu Hitam-Sadao yang dicadangkan oleh Thailand dibuka 24 jam, beliau berkata perkara itu tidak dapat diselesaikan kerana membabitkan peniaga di kedua-dua negara.

"Ia sukar untuk dilaksanakan kerana banyak masalah mungkin timbul, tetapi kami percaya kedua-dua pihak akan dapat berbincang untuk menambah masa operasi," katanya.

Turut hadir pada sidang akhbar itu ialah Timbalan Perdana Menteri Thailand, Pitak Intrawitayanany; Menteri Luarnya, Surakiati Sathirathai

dan Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia, Datuk Shafie Apdal, selaku menteri pengiring.

(END)